



# MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

## PANDUAN PENDAFTARAN CALON

**COMMON EUROPEAN FRAMEWORK OF  
REFERENCE FOR LANGUAGES READINESS  
(CEFR READINESS)**

**TAHUN 2020**

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
BANDAR BARU SELAYANG

TARIKH KEMASKINI: 24 JULAI 2020

## KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	HALAMAN
1	Syarat kelayakan untuk menduduki ujian	3
2	Tempoh sah laku keputusan	3
3	Komponen ujian	4
4	Bayaran untuk menduduki ujian	4
5	Pendaftaran	5
6	Calon Berkeperluan Khas (CBK)	6
7	Penyata Pendaftaran Ujian CEFR <i>Readiness</i> (CEFRR/PP)	6
8	Kalendar ujian	6
9	Angka giliran calon dan pusat ujian	6
10	Slip Daftar Ujian CEFR <i>Readiness</i> (CEFRR/D)	7
11	Pembetulan maklumat calon	7
12	Perpindahan pusat ujian	7
13	Menumpang pusat ujian	8
14	Penarikan diri	8
15	Keputusan ujian	9
16	Mengulang ujian	9

## **ARAHAN DAN PANDUAN PENDAFTARAN UJIAN CEFR *READINESS* TAHUN 2020**

**Arahan dan Panduan Pendaftaran Ujian CEFR *Readiness* ini mengandungi maklumat yang berikut:**

- 1 Syarat kelayakan untuk menduduki ujian
- 2 Tempoh sah laku keputusan
- 3 Komponen ujian
- 4 Bayaran untuk menduduki ujian
- 5 Pendaftaran
- 6 Calon Berkeperluan Khas (CBK)
- 7 Penyata Pendaftaran Ujian CEFR *Readiness* (CEFRR/PP)
- 8 Kalender ujian
- 9 Angka giliran calon dan pusat ujian
- 10 Slip Daftar Ujian CEFR *Readiness* (CEFRR/D)
- 11 Pembetulan maklumat calon
- 12 Perpindahan pusat ujian
- 13 Menumpang pusat ujian
- 14 Penarikan diri
- 15 Keputusan ujian
- 16 Mengulang ujian

### **1 SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENDUDUKI UJIAN**

Rujuk surat edaran daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia No. Ruj. **KPM.ELTC.500-6/3/5(32)** atau No. Ruj. **KPM.ELTC.500-6/3/5(33)** yang bertarikh **17 Oktober 2019**, yang juga boleh didapati di portal rasmi Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) di <http://www.mpm.edu.my>.

### **2 TEMPOH SAH LAKU KEPUTUSAN UJIAN**

Untuk slip keputusan CEFR *Readiness*, tiada tempoh sah laku keputusan. Sekiranya calon CEFR *Readiness* memohon untuk mendapatkan sijil, sijil MUET akan diberikan, dan **dikenakan bayaran sebanyak RM40.00**. Tempoh sah Sijil MUET ialah **lima tahun** daripada tarikh keputusan dikeluarkan.

### 3 KOMPONEN UJIAN

Kertas yang ditawarkan dalam ujian CEFR *Readiness* sama formatnya dengan MUET yang meliputi **empat komponen** seperti yang berikut:

Nama Kertas	Pemberat	Tempoh Menjawab
<i>Listening</i>	15%	30 minit
<i>Speaking</i>	15%	30 minit
<i>Reading</i>	40%	90 minit
<i>Writing</i>	30%	90 minit

\* Maklumat lanjut sila rujuk portal MPM di <http://www.mpm.edu.my>.

### 4 BAYARAN UNTUK MENDUDUKI UJIAN

- (a) Tiada bayaran yang dikenakan untuk menduduki ujian CEFR *Readiness*. Kerajaan memberikannya percuma tetapi sekali sahaja, sama ada menduduki ujian dalam **Kumpulan 1 (bulan Februari 2020)** atau **Kumpulan 2 (bulan November 2020)**.
- (b) Calon yang ingin mengulang dengan menduduki Ulangan Kumpulan 1 (UK1) atau Ulangan Kumpulan 2 (UK2)\* akan dikenakan bayaran mengikut bilangan kertas yang ingin diduduki, dan bayaran tersebut perlu ditanggung oleh calon sendiri. Bilangan maksimum kertas untuk ulangan ialah sebanyak **tiga kertas sahaja**.

*\*Nota: Ulangan Kumpulan 2 (UK2) tidak akan dijalankan pada tahun 2020 dan pelaksanaan UK2 adalah tertakluk pada arahan Kementerian Pendidikan Malaysia.*

- (c) Kadar bayaran per kertas bagi ulangan adalah seperti berikut:

Bilangan Kertas	Bayaran pendaftaran (RM)
1	50.00
2	75.00
3	100.00

- (d) Bagi calon-calon yang ingin memperbaiki **keseluruhan empat kertas, tidak hadir (TH)** ataupun **belum pernah mendaftar**, tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

Kategori	Tindakan
Calon yang layak menduduki ujian CEFR Readiness, tetapi <b>belum pernah mendaftar</b> ujian CEFR Readiness.	Calon <b>dibenarkan mendaftar</b> Kumpulan 2 (K2) dan <b>tidak dikenakan bayaran</b> .
Calon yang telah mendaftar sebagai calon Kumpulan 1 (K1), tetapi <b>tidak hadir (TH) semua kertas</b> .	Calon dikehendaki menduduki keempat-empat komponen dalam mana-mana ujian yang berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. MUET Sesi dengan caj bayaran RM100.00, atau</li> <li>2. MUET on Demand (MoD) dengan caj bayaran RM250.00, atau</li> <li>3. CEFR Readiness Kumpulan 2 (K2) dengan caj bayaran RM100.00</li> </ol>
Calon yang telah mendaftar sebagai calon Kumpulan 1 (K1), tetapi <b>tidak hadir (TH) pada salah satu kertas</b> .	Pendaftaran hendaklah dibuat di portal rasmi dan dibayar kepada Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM).  Keputusan yang baharu (K2) akan dikira secara keseluruhan, dan tidak dibenarkan mencantumkan markah mengikut komponen dengan keputusan terdahulu (K1).

- (e) Bayaran perlu dilakukan secara perbankan internet semasa mendaftar. Bayaran yang telah dibuat akan terpapar pada **Penyata Pendaftaran Ujian CEFR Readiness (CEFRR/PP)** untuk rujukan calon selepas pendaftaran secara dalam talian.

## 5 PENDAFTARAN

- (a) Pendaftaran dibuat secara dalam talian melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> atau di <http://apps.mpm.edu.my/cefr/public/register>
- (b) Calon dikehendaki mendapatkan maklumat tentang pendaftaran ujian CEFR Readiness melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> dan juga **Arahan dan Panduan Pendaftaran Ujian CEFR Readiness Tahun 2020** untuk rujukan sebelum memulakan aplikasi sistem pendaftaran dalam talian tersebut.
- (c) Calon boleh memilih pusat ujian yang dikehendaki semasa membuat pendaftaran tetapi **ketetapan adalah tertakluk kepada SPP JPN**. SPP JPN berhak untuk menutup pusat sedia ada jika bilangan calon tidak mencukupi dan memindahkan calon ke pusat lain. Pusat sebenar calon akan dimaklumkan di dalam CEFRR/D.
- (d) Bagi Calon Berkeperluan Khas (CBK) dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekkak), **pertuturan** (sengau/gagap), dan selain daripada yang dinyatakan juga perlu mendaftar secara dalam talian, tetapi **pemberitahuan** bahawa calon tersebut adalah CBK dan keistimewaan yang dipohon adalah seperti tindakan pada **para 6**.

## **6 CALON BERKEPERLUAN KHAS (CBK)**

- (a) Calon Berkeperluan Khas (CBK) dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekkak), **pertuturan** (sengau/gagap), dan selain daripada yang dinyatakan hendaklah dimaklumkan ke MPM (u.p **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) dan Jabatan Pendidikan Negeri (u.p **Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan**), selewat-lewatnya pada **20 Disember 2019 bagi Kumpulan 1 dan 11 September 2020 bagi Kumpulan 2/Ulangan Kumpulan 1.**
- (b) Maklumat tentang ketidakupayaan dan kemudahan yang dipohon hendaklah dimaklumkan dengan jelas dan lengkap dalam **Borang Maklumat Calon Cacat Penglihatan (Buta)**, iaitu **CEFRR/C5** atau **Borang Maklumat Calon Istimewa**, iaitu **CEFRR/C6** (mana-mana yang berkenaan) mengikut jenis ketidakupayaan yang dapat diperoleh dan dicetak daripada portal MPM <http://www.mpm.edu.my>. Sila sertakan salinan dokumen sebagai bukti ketidakupayaan yang dialami seperti laporan perubatan, Kad Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan pengesahan Pengetua (jika calon sekolah/institusi). **Kemudahan yang boleh diberikan kepada CBK hanya akan dipertimbang jika borang CEFRR/C5 atau CEFRR/C6 (mana-mana yang berkenaan) diterima oleh MPM.**

Untuk mendapatkan borang yang berkaitan, sila klik **CEFRR/C5** atau **CEFRR/C6**.

## **7 PENYATA PENDAFTARAN UJIAN CEFR *READINESS* (CEFRR/PP)**

- (a) Butiran pendaftaran awal calon boleh disemak melalui Penyata Pendaftaran Ujian CEFR *Readiness* (CEFRR/PP). Calon hendaklah **mencetak/menyimpan CEFRR/PP dalam format pdf** sebagai bukti pendaftaran telah berjaya. **Pendaftaran masih belum lengkap/tidak berjaya sekiranya CEFRR/PP gagal dicetak/disimpan**. Pusat ujian yang dinyatakan dalam CEFRR/PP mungkin akan berubah.
- (b) Sekiranya calon mendapat terdapat kesilapan maklumat selepas mencetak CEFRR/PP, calon perlu memohon pembetulan butiran pendaftaran dengan menghantar **Borang Pembetulan Maklumat Calon (CEFRR/C9)** ke MPM (u.p **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) atau melalui emel [psm@mpm.edu.my](mailto:psm@mpm.edu.my) dengan menyertakan bersama salinan kad pengenalan dan CEFRR/PP yang silap tersebut tanpa dikenakan bayaran. Pindaan maklumat ini akan dilakukan pada Slip Daftar Ujian CEFR *Readiness* (CEFRR/D) kelak.

## **8 KALENDAR UJIAN**

**Kalendar Ujian CEFR Readiness Tahun 2020** boleh diperoleh dan dicetak daripada portal MPM <http://www.mpm.edu.my> untuk mengetahui tarikh pendaftaran dan juga tarikh Ujian Speaking dan Ujian Bertulis CEFR Readiness.

## **9 ANGKA GILIRAN CALON DAN PUSAT UJIAN**

- (a) Angka giliran calon akan ditetapkan oleh MPM. Angka giliran calon ini akan diberitahu melalui Slip Daftar Ujian CEFR *Readiness* (CEFRR/D).
- (b) Penempatan calon di sesebuah pusat ujian CEFR *Readiness* adalah tertakluk kepada kelulusan SPP JPN. **SPP JPN berhak untuk memindahkan calon ke pusat lain selain daripada yang telah dipilih.**

## **10 SLIP DAFTAR UJIAN CEFR READINESS (CEFRR/D)**

- (a) Pengesahan butiran pendaftaran calon untuk menduduki ujian CEFR Readiness akan diberitahu kepada calon dalam Slip Daftar Ujian CEFR Readiness (CEFRR/D) melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> mulai 22 Januari 2020 bagi ujian CEFR Readiness Kumpulan 1 dan 20 September 2020 bagi Kumpulan 2/Ulangan Kumpulan 1. Jika maklumat calon tiada dalam semakan CEFRR/D, sila hubungi terus MPM (u.p **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) melalui talian 03-6126 1661/1662 atau emel ke [psm@mpm.edu.my](mailto:psm@mpm.edu.my) dengan kadar **SEGERA**.
- (b) Calon perlu **menyemak dan mencetak CEFRR/D sendiri** dan **membawanya ke pusat ujian** pada hari ujian sebagai tiket untuk menduduki ujian,
- (c) Calon hendaklah menyemak butiran yang tercatat pada CEFRR/D seperti nombor Kad Pengenalan, ejaan nama, angka giliran, **pusat untuk menduduki ujian**, tarikh, dan waktu ujian.

## **11 PEMBETULAN MAKLUMAT CALON**

- (a) Calon hendaklah menyemak maklumat pendaftaran pada CEFRR/PP yang boleh dicetak dan disimpan dalam format pdf sebaik sahaja melengkapkan pendaftaran dalam talian bagi memastikan semua maklumat adalah betul.
- (b) Sekiranya terdapat maklumat yang silap, calon hendaklah melengkapkan **Borang Pembetulan Maklumat Calon (CEFRR/C9)** yang boleh dicetak daripada portal MPM <http://www.mpm.edu.my> dan menghantarnya dengan **kadar segera** ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**). Permohonan pembetulan ini **tidak dikenakan bayaran** dan calon juga akan mendapat CEFRR/D kelak dengan semua maklumat yang telah dibetulkan.
- (c) Borang CEFRR/C9 yang diterima di MPM **selepas CEFRR/D dimuatnaik** di portal MPM tidak akan dikenakan bayaran, dan **CEFRR/D dengan maklumat yang silap, sah digunakan untuk menduduki CEFR Readiness**. Pembetulan maklumat juga hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pengawas di pusat ujian untuk dicatatkan dalam Buku Rekod Pengawasan. Calon seterusnya dikehendaki untuk menghantar borang CEFRR/C9 ke MPM selepas menduduki ujian. **Pembetulan ini hanya akan dibuat pada maklumat keputusan yang akan dikeluarkan kelak.**

Untuk mendapatkan borang **CEFRR/C9**, sila klik [di sini](#).

- (d) Calon hendaklah menggunakan nombor kad pengenalan yang sama semasa ujian kelak. Sebarang kesilapan akan menimbulkan salah faham dengan Pengawas ujian dan akan menyusahkan calon sendiri.

## **12 PERPINDAHAN PUSAT UJIAN**

- (a) Permohonan perpindahan dari satu pusat ke satu pusat ujian yang lain hendaklah menggunakan **Borang Permohonan Perpindahan Pusat Ujian (CEFRR/C2)** yang dapat diperoleh dan dicetak daripada portal MPM <http://www.mpm.edu.my>. Permohonan hendaklah dihantar ke Majlis Peperiksaan Malaysia (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) dan salinan ke Jabatan Pendidikan Negeri (u.p **Ketua Penolong Pengarah Kanan/Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan**). Permohonan untuk berpindah pusat ujian dalam bandar yang sama **tidak** dibenarkan.

- (b) Permohonan perpindahan pusat ujian atas alasan **arahan daripada Ketua Jabatan dan urusan rasmi kerajaan** akan **dikecualikan bayaran**. Bagi permohonan atas **sebab-sebab lain yang munasabah**, calon akan dikenakan bayaran sebanyak **RM25.00** dan hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Pos/Kiriman Wang** atas nama penerima **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**. Bayaran akan dikembalikan jika permohonan **tidak diluluskan**. Permohonan perpindahan pusat ini mestilah disertakan bersama-sama dengan **bukti sokongan** untuk dipertimbangkan.
- (c) Tarikh tutup permohonan perpindahan pusat ujian CEFR Readiness ialah pada **9 Januari 2020** bagi ujian CEFR Readiness Kumpulan 1 dan **11 September 2020** bagi Kumpulan 2/Ulangan Kumpulan 1.

Untuk mendapatkan borang **CEFRR/C2**, sila klik [di sini](#).

### 13 MENUMPANG PUSAT UJIAN

- (a) Calon yang ditolak permohonannya untuk berpindah pusat ujian CEFR Readiness kerana permohonannya lewat dibenarkan menumpang pusat ujian [rujuk (b)].
- (b) Calon yang menumpang untuk mengambil ujian di sesuatu pusat ujian atas sebab-sebab tertentu mestilah mendapat kelulusan MPM terlebih dahulu. Calon hendaklah membuat permohonan kepada Ketua Eksekutif, MPM melalui borang CEFRR/C2 dan hendaklah menyertakan bayaran sebanyak **RM25.00** yang dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama penerima **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia**. **Permohonan calon hanya akan dipertimbangkan jika kertas soalan di pusat berkenaan mencukupi**.
- (c) Tarikh tutup permohonan menumpang pusat ujian CEFR Readiness ialah pada **6 Februari 2020** bagi ujian CEFR Readiness Kumpulan 1 dan **2 Oktober 2020** bagi Kumpulan 2/Ulangan Kumpulan 1.
- (d) Calon perlu menyemak, mencetak, dan membawa surat kelulusan menumpang pusat ujian pada hari ujian kelak. Surat tersebut akan dimelarkan ke alamat emel calon dan pihak MPM **tidak akan mengubah CEFRR/D yang sedia ada di portal mengikut pusat ujian tumpang yang baharu tersebut**. Sila guna CEFRR/D sedia ada ini untuk tujuan menumpang pusat.

### 14 PENARIKAN DAN PENANGGUHAN DARIPADA MENDUDUKI UJIAN

- (a) Secara umumnya, calon **tidak dibenarkan untuk menarik diri** daripada ujian selepas membuat pendaftaran (rujuk perenggan 7 dalam surat edaran **daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia No. Ruj. KPM.ELTC.500-6/3/5(32)** atau **No. Ruj. KPM.ELTC.500-6/3/5(33)** yang bertarikh 17 Oktober 2019).
- (b) Calon yang ingin menarik diri daripada menduduki Kumpulan 2 (K2) kerana **melepassi syarat pengecualian ujian CEFR Readiness kategori masing-masing** (contoh: telah melepassi keputusan MUET Band 5 atau APTIS C1 hendaklah membuat permohonan kepada English Language Teaching Centre (ELTC) melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan **menghantar surat kelulusan** tersebut kepada Majlis Peperiksaan Malaysia selewat-lewatnya seminggu selepas tarikh pendaftaran ditutup).
- (c) Calon yang mengulang yang ingin menarik diri tidak akan dikembalikan yuran ujian **kecuali** calon yang **sakit berpanjangan** (surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan kerajaan hendaklah dikemukakan) atau calon yang **meninggal dunia** (salinan surat Perakuan Kematian hendaklah dikemukakan oleh warisnya) atau calon yang diluluskan permohonannya untuk memasuki **Universiti Awam** (salinan surat tawaran hendaklah dikemukakan oleh calon).

- (d) Bagi kes permohonan penangguhan Kumpulan Ujian, calon mestilah menyertakan bersama-sama dengan **bukti sokongan** untuk dipertimbangkan. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Majlis Peperiksaan Malaysia (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) selewat-lewatnya pada **6 Februari 2020** bagi ujian CEFR Readiness Kumpulan 1 dan **26 Jun 2020** bagi Kumpulan 2/Ulangan Kumpulan 1.

## 15 KEPUTUSAN UJIAN

- (a) Keputusan ujian CEFR Readiness akan dipaparkan pada portal rasmi MPM. Calon boleh mencetak slip keputusan daripada portal MPM.
- (b) Sekiranya calon memerlukan Sijil Keputusan Ujian CEFR Readiness, calon perlu memohon Sijil MUET dengan mengemukakan surat permohonan rasmi disertakan bayaran sebanyak **RM40.00** menggunakan **Wang Pos/Kiriman Wang** atas nama penerima **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia**. Surat dan bayaran hendaklah dihantar kepada Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia (u.p **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**). Calon juga perlu menyertakan **sampul surat bersaiz A4 beralamat sendiri dan bersetem RM2.00 serta barkod PosDaftar dalam negeri sebanyak RM2.20**.

## 16 MENGULANG UJIAN

- (a) Calon yang tidak mencapai keputusan yang ditetapkan boleh memohon untuk mengulang ujian CEFR Readiness. Tempoh pendaftaran ini tertakluk kepada pengumuman yang akan dihebahkan menerusi portal rasmi Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)
- (b) Calon perlu mendaftar kembali melalui portal MPM dengan bayaran sepetimana yang dinyatakan pada para 4 (b) di atas. Calon yang menduduki **ujian dalam Kumpulan 1 hanya dibenarkan mendaftar dalam Ulangan Kumpulan 1**.
- (c) Bayaran dilakukan secara perbankan internet semasa mendaftar dalam talian.